

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 8.3.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah kos pembinaan kesemua kuarters guru di Sungai Petani; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menyelamatkan kuarters yang tidak digunakan dari rosak dan punah begitu sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) diParlimen Sungai Petani iaitu di SMK Ibrahim, SMK Sungai Pasir, SK Berapit dan SMK TasekApong. Bilangan unit bagi keseluruhan KIP ini ialah 298 unit. Secara purata, kos bagi setiap unit ialah RM11, 7654.00 dan kos bagi 298 unit KIP di Parlimen Sungai Petani boleh dianggarkan sebanyak RM35,060,892.00.
- b) Bagi memastikan kuarters KIP di seluruh negara ini digunakan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2011 telah

mula secara serius menawarkan kuarters KPM yang kosong untuk disewa/ tukar guna kepada agensi Kerajaan atau Swasta yang berminat. Sehingga kini, terdapat empat (4) penyewaan kuarters/ Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) yang masih berkuatkuasa disewakan kepada agensi Swasta yang kebanyakannya untuk tujuan penginapan iaitu seperti berikut:

- i. KIP Simpang Empat, Perlis disewa oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).
- ii. KIP Tanjung Lumpur, Pahang disewakan kepada Malaysia Aviation Academy Sdn. Bhd.
- iii. KIP Bukit Mertajam, Pulau Pinang disewa oleh Majlis Sukan Negara.
- iv. KIP Pasir Puteh, Perak disewakan kepada Green Hand Rich Sdn. Bhd.

Manakala, KIP Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu, Kedah telah ditukar guna kepada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) untuk tujuan Rumah Kediaman Angkatan Tentera (RKAT) Kem Sepadan, Bukit Kayu Hitam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 65**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan perancangan Kerajaan jika Joint Agency Coordination Center (JACC) gagal mencari MH370 selepas mencari kesemua 120,000 km persegi yang dipersetujui antara negara Australia, China dan Malaysia.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jika *Joint Agency Coordination Center* (JACC) gagal mencari MH370 selepas mencari kesemua 120,000 km persegi yang dipersetujui antara negara Australia, China dan Malaysia, ketiga-tiga negara akan mengadakan mesyuarat *tripartite* peringkat Menteri bagi membuat sebarang perancangan dengan mengambilkira nasihat teknikal daripada Pasukan Pakar Satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch* (AAIB), United Kingdom, *National Transportation Safety Board* (NTSB), United States, *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB), Boeing, *Australia's Defence Science and Technology Organisation* (DSTO), Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).